

## **Permohonan Cabutan (Salinan) bagi sijil kelahiran**

Cabutan adalah salinan kepada sijil asal kelahiran, kematian atau anak angkat. Ini bagi menggantikan sijil yang hilang, hangus atau rosak.

### **Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi sijil yang hilang:**

- Borang permohonan yang lengkap
- Laporan polis yang sah
- Salinan asal sijil kelahiran (jika ada)

### **Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi sijil yang hangus:**

- Borang permohonan yang lengkap
- Laporan yang sah dari Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi kes kebakaran (asal dan salinan)
- Salinan asal sijil kelahiran (jika ada)

### **Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi sijil yang rosak:**

- Borang permohonan yang lengkap
- Sijil kelahiran yang asal

### **Bayaran**

Bayaran BND\$5.00 dikenakan semasa pengambilan dokumen cabutan.